

02/02/1998

Pemuda yakin ekonomi cepat pulih

BAGAN DATOH, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno yakin kegawatan ekonomi negara akan dapat dipulihkan dalam tempoh setahun jika langkah yang diambil kerajaan berjalan lancar dan berkesan.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata sudah ada tanda awal menunjukkan keadaan ekonomi akan pulih dalam jangka masa terdekat apabila pertukaran ringgit berbanding dolar agak lebih mantap minggu lalu.

Beliau berkata, Pemuda Umno yakin Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mampu menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"Bagaimanapun, kejayaan itu hanya boleh dicapai dengan kadar segera apabila semua pihak bekerjasama, terutama peniaga Malaysia, termasuk di luar negara," katanya di sini, hari ini.

Ahmad Zahid berkata, sejak NEAC ditubuhkan keyakinan orang ramai terhadap institusi kewangan tempatan juga semakin meningkat.

"Sebagai bukti, kadar jumlah simpanan di institusi kewangan tempatan semakin meningkat."

"Sehubungan itu, negara tidak memerlukan dana asing untuk dilaburkan dalam pasaran saham dan kewangan bagi memantapkan semula krisis ekonomi negara," katanya.

Menurutnya, ekonomi negara dianggap pulih apabila indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meningkat kepada 800 mata dan setiap dolar bernilai RM3.80.

Beliau berkata, hubungan baik dengan pengurus dana asing juga perlu diperkukuh bagi menjaga kestabilan ringgit.

Katanya, usaha bersungguh-sungguh untuk meyakinkan pelabur asing juga perlu dilaksanakan dengan jelas dan berkesan.

Ahmad Zahid berkata, ada sesetengah pelabur asing tidak memahami kegawatan ekonomi negara kerana mereka menerima maklumat yang mengelirukan.

Menurutnya, tindakan negara Asean yang mahu menjalankan urusan niaga menggunakan mata wang sendiri turut akan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

(END)